

**FATWA BIL. 37**

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK**

**PENYELEWENGAN FAHAMAN YANG DIBAWA OLEH SUHAINI BIN MOHAMMAD (SOHAI IBNU MUHAMMAD)**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-221 yang bersidang pada tarikh 9 hingga 11 Disember 2020 bersamaan 23 hingga 25 Rabiulakhir 1442H telah memperaku keputusan fatwa yang berikut:

Bahawa fahaman yang dibawa oleh Suhaini bin Mohammad adalah sesat, menyeleweng daripada ajaran Islam menurut akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah berdasarkan beberapa ciri seperti berikut:

i) Ketuhanan

Suhaini bin Mohammad secara jelas mendakwa bahawa Nabi Muhammad SAW adalah Tuhan.

ii) Kenabian

Suhaini bin Mohammad menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan seorang yang tidak mempunyai jantina. Baginda bukan lelaki dan juga bukan seorang wanita (tidak mempunyai kemaluan).

iii) Menyelewengkan Tafsiran al-Quran

Huraian Surah Taha ayat 120 dan Surah al-Baqarah ayat 35 berkenaan larangan Allah SWT kepada Nabi Adam dan Hawa daripada memakan Buah Khului dengan dakwaan bahawa Buah Khului yang menjadi larangan untuk dimakan di dalam Syurga itu adalah ‘Buah Zakar’ dan ‘Buah Dada’.

iv) Penipuan Mengenai Khasiat Air dan Botol Sihulk.

Laman Facebook Sohai Ibnu Muhammad dan Facebook Sihulk didapati memuat naik status mempromosikan air Sihulk dengan mengeksplorasi elemen agama secara berlebihan bagi menarik minat orang ramai membeli produk tersebut. Antara dakwaan berlebihan mengenai khasiat Air Sihulk termasuklah seperti berikut:

- a) Dikatakan kotak sihulk ini adalah peti Tabut yang pernah diberikan Allah SWT kepada Talut sepetimana maksud di dalam surah al-Baqarah ayat 248 yang telah diselewengkan maknanya;

- b) Sihulk merupakan Air Hayat, iaitu air yang dicari oleh Iskandar Zulkarnain tetapi diperolehi oleh Nabi Khidir AS menjadikan Baginda mampu hidup sehingga hari kiamat. Lalu Nabi Khidir AS membekalkannya kepada umat akhir zaman sebagai tanda ikatan menerusi jual beli dengan Nabi SAW melalui sanad yang tidak putus;
- c) Mampu menyembuhkan pelbagai wabak penyakit zahir dan batin serta menghalang daripada sihir;
- d) Meminum air Sihulk adalah meminum air yang dibeli sendiri daripada Nabi SAW dan ramai ahli yang telah minum air tersebut dapat bermimpi berjumpa dengan Nabi SAW; dan
- e) Botol Sihulk digunakan untuk melaksanakan ritual menangkap jin ke dalam botol dengan cara berselawat kepada Nabi Muhammad SAW sambil membayangkan wajah Suhaini bin Mohammad, wajah Sheikh Abdul Qadir al-Jailani dan wajah Nabi SAW, kononnya ini adalah sama dengan amalan Rabitah para ulama Sufi.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengambil keputusan bahawa:

- i. Fahaman dan ajaran yang dibawa oleh Suhaini bin Mohammad hendaklah segera disekat daripada disebarluaskan kepada umat Islam di negara ini; dan
- ii. Mana-mana orang Islam adalah dilarang untuk berpegang, beramal atau terlibat dengan fahaman dan ajaran ini. Mereka yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah SWT.

Tarikh: 21 Julai 2023 / 3 Muharam 1445H

No fail : MN.PK.A351.IST/05/9 JLD 9

Status Fatwa: Fatwa yang belum diwartakan



S.S Dato' Haji Wan Zahidi Bin Wan Teh  
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan